

04 MAR 2003

Pelancong (Bergambar)/I

SARAWAK YAKIN DAPAT JALIN KERJASAMA LEBIH RAPAT DENGAN SABAH

KUCHING, 4 Mac (Bernama) -- Sarawak yakin hubungan mesranya dengan Sabah, terutama dalam industri pelancongan, akan meningkat berikutan pelantikan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah Datuk Musa Aman sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru.

Menteri Pelancongan Sarawak Datuk Sri Abang Johari Tun Openg hari ini berkata Kementerian itu menunggu untuk bekerjasama dengan Musa, apabila beliau mengambil alih kepimpinan negeri daripada Datuk Chong Kah Kiat, yang tempoh perkhidmatannya berakhir pada 27 Mac ini.

"Berdasarkan pengalaman luas beliau (Musa) dalam sektor korporat serta sokongan daripada pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) yang lain, saya pasti beliau akan memacu ekonomi Sabah ke tahap yang baru," kata Abang Johari yang juga Timbalan Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB).

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan pelayaran sungai, Sayang Sarawak 1 di sini, beliau berkata promosi Tapak Warisan Dunia Gunung Kinabalu dan Taman Negara Gunung Mulu di peta pelancongan antarabangsa oleh kedua-dua negeri, berjalan lancar.

Pelantikan Musa yang juga Menteri Kewangan Sabah menerusi sistem penggiliran Ketua Menteri di Sabah, diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur hari ini.

Mengenai pelayaran ala catamara di sepanjang Sungai Sarawak itu, Abang Johari berkata ia merupakan sebahagian daripada usaha untuk menambah nilai kepada industri itu selain penggunaan bot seperti teksi air tradisi Melayu "perahu tambang" dan ala Cina "kapal kotak".

Bot yang ditempah khas itu yang mempunyai kapasiti 30 orang bagi pelayaran tidak formal, dimiliki dan diusahakan oleh sebuah syarikat tempatan, Aerotrain Charter Sdn Bhd.

Beliau berkata menerusi pakej lawatan, termasuk pelayaran menyaksikan buaya dan tanah lembab, pelawat berpeluang meneroka Sarawak dan sejarahnya, budaya hidup daripada pelbagai perspektif.

Sungai Sarawak merupakan saluran air penting dan bersejarah bagi penduduk Sarawak, bermula dengan sejarah ketibaan James Brooke dengan perahu layar "Royalist" pada 1839.

Abang Johari gembira kerana ramai usahawan bersedia memenuhi cabaran dalam menyediakan produk dan perkhidmatan yang berkaitan dengan pelancongan bagi memberi dorongan kepada pertumbuhan industri pelancongan negeri.

-- BERNAMA

CJ LAT